

01/07/2003

OIC, masa depan dunia dan pemikiran Dr M

Azimi Daim

PELBAGAI pihak membincangkan penubuhan Institut Pemikiran Dr Mahathir Mohamad yang dicadangkan beberapa tahun lalu. Tetapi kini, selepas setahun

kebanyakan rakyat Malaysia terpegun oleh hasrat Perdana Menteri hendak mengundur diri, barulah idea itu diterima. Dua belas bulan mereka merenung

dan menilai siapa pemimpin agung dunia itu.

Namun, kebanyakannya berfikir untuk menubuhkan sebuah institusi yang besar. Ada pula yang membayangkan sebuah universiti dan tidak kurang juga

memikirkan tapak yang luas, kompleks yang besar dan pelbagai jurusan pengajian.

Sebahagian yang lain pula berpendapat institut seumpamanya sudah ada, contohnya Institut Kajian dan Strategik Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan tidak seharusnya ada pertindihan. Menurut mereka, kalau ada lebih banyak tidak salah dan bukan masalah.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, sudah lama juga diadakan

kursus pemikiran strategik - satu dalam bidang ketenteraan manakala satu lagi hal ehwal antarabangsa. Ramai juga orang muda yang menjadi lulusannya.

Orang muda tentunya akan mendapat banyak manfaat daripada institusi penyelidikan dan kajian strategik. Yang pentingnya, hasil kajian institut

seumpamanya mestilah disalurkan kepada golongan yang memimpin negara bagi

memastikan Malaysia mencapai Wawasan 2020, terus merdeka dan maju.

Antara inti utama pemikiran Dr Mahathir adalah berfikir dengan terbuka,

tajam dan halus. Inti inilah yang perlu dipelajari, difahami, diamal dan kemahiran itu ditajamkan sehingga berupaya diterapkan secara halus untuk faedah manusia dan alam.

Maka, ada baik dimulakan dengan berdikit-dikit sebelum beroperasi sepenuhnya, lebih berkesan, ekonomik dan panjang hayatnya. Mungkin tugas yang jauh lebih utama adalah meluaskan peranan institut seumpamanya dengan

beroperasi di luar negara.

Minggu lalu, seorang sahabat dan ibunya pulang daripada mengerjakan umrah dan menceritakan pelbagai keseronokan di sana. Katanya, berbanding tahun lalu dan kunjungannya beberapa tahun sebelum itu, kali ini masyarakat Islam yang ditemuinya kelihatan lebih mesra.

Semangat kasih sayang sesama mereka dari luar mahupun penduduk Arab Saudi nampaknya lebih akrab. Menurutnyanya, apabila diselidiki, tali persaudaraan yang semakin bersemarak itu wujud selepas kejatuhan kerajaan

Republik Iraq yang dicerobohi tentera bersekutu.

Ramai yang berpendapat kesatuan umat Islam semakin kukuh di seluruh Asia

Barat sehingga melimpah ke banyak negara lain. Tambahan pula, mereka tersinggung dengan pengumuman rasmi Israel untuk melaksanakan agenda dua agama saja di seluruh dunia.

Perpaduan rumpun bangsa Arab juga meningkat ketika kerajaan Saddam Hussein berjaya mewujudkan `kebuntuan' selama kira-kira seminggu sehingga

tentera Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya tidak dapat memasuki Baghdad.

Waktu itu juga Arab Saudi mula bersuara sedikit lantang mengingatkan penceroboh Iraq agar tidak mentadbir Iraq, sebaliknya diserahkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Malah, saat itu juga diperakui oleh beberapa pemikir Yahudi dan Amerika mengenai kemungkinan mereka melakukan kesilapan besar. Mereka panik untuk beberapa hari dan mula mencari jalan dan mengenal pasti siapa bakal dipersalahkan.

Sementara Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan beberapa negara Arab lain terpaksa membisu, Iran, Syria dan Mesir juga nampak memainkan peranan yang lebih membina.

Kini, ketika Amerika melakukan pengunduran taktikal tenteranya dari Arab Saudi, mengalih pandangan dunia dari Syria kepada Iran, Arab Saudi cuma membenarkan penyiaran dua saluran televisyen Barat.

Selain BBC dan CNN yang diberi ruang untuk meneliti tingkah laku Barat, rakyatnya hanya dihidang program tempatan dan negara Islam lain. (Ini satu peluang penyiar Malaysia, baik swasta seperti TV3 mahupun awam seperti Bernama TV, meluaskan sayap ke Arab Saudi).

Manakala pelan damai diharap bukan lagi menjadi tempoh taktikal Israel menundakan pelbagai hal, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) masih lagi menjadi perbualan umat Islam sebagai satu saluran ke arah masa depan dunia yang lebih aman. (Sidang G8 yang berlangsung di Switzerland baru-baru ini nampaknya mendapat sokongan 12 negara dan bakal mewarnai juga senario dunia).

Ada teman yang memandang pesimis terhadap OIC. Namun, mengapa tidak OIC menubuhkan lebih banyak kumpulan pelobi di Washington supaya pelbagai kerja kumpulan ini dapat mempengaruhi pentadbiran Amerika? Jika tidak, demi kesejahteraan dunia, profesion melobi bagi OIC ini perlu diambil alih oleh Institut Pemikiran Dr Mahathir.

Kumpulan pelobi ini mestilah lebih berkesan daripada sebelumnya, bukan yang paling lembap seperti di kalangan banyak wakil dunia di New York. Jika tidak cukup, kerja pelobi ini hendaklah diperluaskan ke beberapa negara lain yang mempunyai banyak pengaruh terhadap PBB dan dunia, contohnya Britain, Perancis dan Jepun.

Tidak perlu besar tetapi kerja memang banyak, kejayaannya mungkin 50 atau 100 tahun akan datang. Begitulah Israel menentukan dasar luar AS.